

07 AUG 2003

OIBA-MALAYSIA/I

PARA PELABUR BERI TUMPUAN KEPADA MALAYSIA, KATA OIBA

OKAYAMA, 7 Ogos (Bernama) -- Pengerusi Persatuan Perniagaan Antarabangsa (OIBA), Kanji Inaba berkata negara-negara Asean, terutamanya Malaysia telah menjadi pusat tumpuan di kalangan para pelabur selepas menyedari terdapatnya beberapa risiko membuat pelaburan di China.

Beliau berkata sebelum menularnya Sindrom Pernafasan Akut Yang Teruk (SARS), banyak syarikat bercadang untuk melabur secara aktif di China.

"Tetapi selepas SARS, kami menyedari terdapatnya risiko di China seperti masalah pengurusan maklumat," kata beliau dalam ucapan aluannya kepada delegasi Malaysia di sini hari ini.

"Malaysia telah membangunkan sistem politik yang stabil. Ia telah memperbaiki produktiviti dan menyediakan infrastruktur yang baik termasuklah dalam bidang telekomunikasi," kata Inaba.

Beliau menambah Malaysia juga begitu aktif mempelawa pelaburan asing langsung dengan menyediakan pelbagai insentif bagi membantu ahli-ahli perniagaan.

Beliau juga berkata dalam tempoh dua dekad yang lepas, Malaysia dan Okayama telah mengukuhkan hubungan masing-masing.

Dalam tahun 1983, Mitsubishi Motor Mizushima Works melabur di Malaysia diikuti dengan Rohm Wako Co Ltd dalam tahun 1987.

"Selepas itu, tujuh lagi syarikat melabur di Malaysia," kata Inaba.

Menurut statistik mengenai jumlah operasi seberang laut dari Okayama, beliau berkata Malaysia merupakan destinasi pelaburan kelima paling popular.

Dalam bulan 1997, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah dipelawa ke sini oleh Persatuan Eksekutif Korporat Okayama untuk menghadiri sebuah simposium dan beliau telah menyampaikan ucapan. -- BERNAMA

MAS MAD TJK AA